

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 APRIL 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kerajaan rancang tubuh Pusat Risikan-Geospatial Negara	Utusan Malaysia
2.	Operasi pembenihan awan hasilkan hujan di beberapa kawasan sasaran	BERNAMA
3.	Cloud seeding to counter haze and water crisis	Malay Mail
4.	Dry season after El Nino	The Sun
5.	Pembenihan awan hanya hasilkan hujan di Gemencheh - Shahidan	BERNAMA
6.	Rainfall down but will be better next two months	The Star
7.	Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan tunggu laporan Meteorologi sebelum tutup sekolah	BERNAMA
8.	El Nino undang kesan negatif kepada mata - Pakar	BERNAMA
9.	Kes kebakaran hutan menurun di seluruh negara - Soiman	BERNAMA
10.	Gempa bumi kuat landa barat laut Monywa, Myanmar	BERNAMA
11.	Gempa bumi sederhana gegarkan Mindanao	BERNAMA

Kerajaan rancang tubuh Pusat Risikan-Geospatial Negara

KUALA LUMPUR 13 April - Kerajaan dalam perancangan untuk menubuhkan Pusat Risikan-Geospatial Negara sebagai langkah menyediakan risikan sistem maklumat geografi (GIS) kepada agensi-agensi keselamatan yang mengawal sempadan negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, keperluan menubuhkan pusat itu adalah untuk memastikan insiden seperti pencerobohan di Lahad Datu, Sabah oleh pengganas Sulu pada 2013 tidak berulang.

"Pencerobohan di Sabah membuat kita berfikir semula bagaimana kita perlu menguruskan keselamatan negara pada masa

akan datang.

"Tambahan pula dengan perkembangan terkini ancaman keselamatan serantau termasuk kewujudan kumpulan pengganas mendesak kita untuk mencari langkah-langkah baharu yang boleh diambil dalam memastikan negara dalam keadaan aman dan stabil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perasmian Persidangan dan Pameran Antarabangsa Geospatial dan Penderiaan Jauh 2016, di sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden Institut Geospatial dan Penderiaan Jauh Malaysia (IGRSM), Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohammed Shariff



MADIUS TANGAU

dan Timbalan Naib Canselor (Kajian dan Inovasi) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila.

Menurut Madius, Agensi Angkasa Negara (Angkasa) akan menjadi peneraju kepada beberapa agensi lain termasuk agensi keselamatan dalam kajian yang akan dibuat mengenai penubuhan Pusat Risikan-Geospatial Negara.

Beliau berkata, negara tidak boleh mengambil sikap sambil lewa lagi dengan keamanan yang dikecapi kini kerana hakikatnya geopolitik di luar sana berada dalam keadaan tidak menentu.

"Mentaliti bahawa kita kurang menerima ancaman adalah salah. Kita harus sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan bagi memastikan kedaulatan dan kesejahteraan negara terus terjamin," ujarnya.



Operasi Pembenihan Awan Hasilkan Hujan Di Beberapa Kawasan Sasaran



Air diisikan ke dalam tangki besar untuk kerja pembenihan awan (Gambar Bernama)

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Operasi Pembenihan Awan (OPA) yang dijalankan di beberapa lokasi semalam, bertujuan menangani jerebu dan krisis air, berjaya menghasilkan hujan di beberapa kawasan sasaran.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata operasi selama dua jam di Kudat, Kota Marudu dan Pitas, Sabah yang bermula pukul 2 petang itu, menghasilkan hujan di beberapa tempat di kawasan sasaran itu.

Katanya dua OPA turut dilaksanakan di Semenanjung semalam, satu berpangkalan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dengan kerjasama TUDM bermula pada pukul 2 petang dan berakhir kira-kira pukul 5.45 petang.

"Kawasan sasaran merangkumi kawasan sekeliling Empangan Pedu dan Empangan Muda di negeri Kedah dan Empangan Bukit Merah di negeri Perak," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Katanya OPA yang berpangkalan di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dengan kaedah pembakaran 'flare' oleh pesawat swasta pula bermula pukul 1.45 tengah hari dan berakhir pada pukul 4.55 petang.

Kawasan sasaran adalah kawasan tadahan iaitu Empangan Timah Tasoh di Perlis, Empangan Ahning, Pedu dan Muda di Kedah dan Empangan Bukit Merah di Perak.

"OPA ini berjaya menghasilkan hujan di kawasan Empangan Bukit Merah di Perak," katanya. Operasi berkenaan bersambung hari ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 14 APRIL 2016 (KHAMIS)

Cloud seeding to counter haze and water crisis

KUALA LUMPUR — Cloud-seeding operations were carried out on Tuesday to counter the haze and water crisis in areas hit hard by the El Nino weather phenomenon.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said an operation lasting two hours was carried out in Kudat, Kota Marudu and Pitas in Sabah.

Two other operations were carried out in the peninsula from 2pm to 5.45pm with the cooperation of the Royal Malaysian Air Force. They were carried out from Sultan Abdul Aziz Airport in Subang.

"The targeted areas were Pedu and Muda dams in Kedah and Bukit Merah dam in Perak," he said.

Wilfred said another operation based at Bayan Lepas International Airport in

Penang was carried out from 1.45pm to 4.55pm, using a private aircraft and the flare method.

It was targeted at Timah Tasoh dam in Perlis; Ahning, Pedu and Muda dams in Kedah; and Bukit Merah dam in Perak.

The operation managed to produce rain in areas around the Bukit Merah dam.

He said cloud seeding would continue.

The water levels in several dams in four states have dropped because of the lack of rain but they have not reached the critical stage.

The water in the dams in Perlis, Kedah, Perak and Malacca can still meet the needs of the people.

The level at the Timah Tasoh Dam in Kangar was at 26.29m on Tuesday, down by 0.02m from Monday.

Perlis Department of Irrigation and Drainage director Abdul Najib Abdullah said the water would be able to meet domestic needs up to May even if the drought prolonged.

The dam, which could hold 13.21 million cubic metres of water, channelled 58,000 cubic metres a day to domestic consumers in Padang Besar, Wang Kelian and northern Kangar.

Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man said cloud-seeding over the dam area would be carried out by the Meteorological Department up to Monday.

In Kedah, the water at the Pedu, Muda and Ahning dams were at an overall 71.24 per cent or 1.07 million cubic metres.

The Muda Agriculture Development Authority said in a statement the volume of water was 73.47 per cent at Pedu, 45.88 per cent at Muda and 76.72

per cent at Ahning.

In Perak, State Department of Irrigation and Drainage director Datuk Abdul Razak Dahlan said the water level at the Bukit Merah Dam in Kerian was at 6.522m, still above the critical point of 6.1m.

Public amenities, infrastructure, energy and water committee chairman Datuk Zainol Fadzi Paharudin said the water levels at the Kuning Dam in Taiping and Sultan Azlan Shah Dam in Ulu Kinta had not reached the critical point.

In Malacca, the state water regulatory body said the water level at the Durian Tunggal Dam in Alor Gajah was at the warning point of 51.7 per cent.

Two other dams fared better — the Asahan Dam in Jasin at 85.8 per cent, and the Jus Dam, also in Jasin, at 75.1 per cent. — Bernama



BERNAMAPIX

GOING COCONUTS...
Ismail Abdul Yazid, 28, taking gulps of coconut water at a fruit stall in Kuantan yesterday.

Dry season after El Nino

BY **HAIKAL JALIL**
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: After the El Nino phenomenon which ends in June, Malaysians will experience the dry season which will last until September, said Science, Innovation and Technology Minister Datuk Seri Madius Tangau.

He said the transboundary haze would likely reoccur during this period.

"Currently, we are in the intermonsoon season. The southwest monsoon is the period where normally we will have the transboundary haze," he told reporters after opening the International Conference and Exhibition on Geospatial and Remote Sensing at Berjaya Times Square here yesterday.

Commenting on the El Nino phenomenon, Madius said it is currently moving towards a moderate phase and would eventually enter its weak stage.

Madius also attributed the extraordinary

hot and dry spell to climate change.

He also said that the government was prepared to initiate cloud seeding, but said it would only work with the presence of a towering cumulus cloud to stimulate rain.

"If the cloud is absent, there is nothing we can do," he said, adding that the success rate of cloud seeding must be considered for the process to take place.

In a statement issued earlier, Madius said cloud-seeding carried out on Tuesday to counter the haze and water crisis produced some rain at certain targeted areas.

He said one operation lasting two hours was carried out in Kudat, Kota Marudu and Pitas, Sabah at 2pm while two other operations based at the Sultan Abdul Aziz Shah Airport in Subang were carried out in the peninsula from 2pm till 5.45pm with the cooperation of the Royal Malaysian Air Force.

"The targeted areas were Pedu dam and Muda dam in Kedah and Bukit Merah dam in Perak," he said.



Pembenihan Awan Hanya Hasilkan Hujan Di Gemencheh - Shahidan

KANGAR, 13 April (Bernama) -- Operasi Pembenihan Awan (OPA) yang dijalankan di 12 lokasi di lima negeri di Semenanjung hari ini hanya berjaya menghasilkan hujan di kawasan tadahan di Gemencheh, Negeri Sembilan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata operasi di Empangan Timah Tasoh (Perlis), Empangan Muda, Pedu, Beris dan Ahning (Kedah), Empangan Air Hitam dan Teluk Bahang (Pulau Pinang), Empangan Bukit Merah (Perak) dan Empangan Durian Tunggal, Jus dan Asahan (Melaka) gagal menghasilkan hujan.

"Namun, kita akan teruskan lagi OPA esok di semua kawasan tersebut," katanya kepada Bernama malam ini.

Shahidan yang juga timbalan pengerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkata operasi itu dijalankan dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#).

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis Abdul Najib Abdullah berkata paras air Empangan Timah Tasoh menyusut sebanyak 0.03 meter kepada 26.26 meter hari ini dari 26.29 meter semalam.

Paras kritikal 26.50 meter.

Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man mengumumkan semalam catuan air untuk kegunaan domestik akan dilaksanakan di Perlis jika hujan tidak turun sehingga Jumaat ini atau air di Empangan Timah Tasoh mencapai paras 26.20 meter.

-- BERNAMA

Rainfall down but will be better next two months

PETALING JAYA: Rainfall has drastically reduced between 20% and 60% in parts of the country as Malaysians suffer through the hot and dry weather brought on by El Nino.

The good news, however, is that rainfall is expected to return to normal levels over the next two months with some states getting slightly more than average – between 50mm and 400mm.

“The effect of a stronger El Nino was felt throughout the country with a new record for average rise in temperature set in January this year, surpassing the record set in January 1998,” said a report in the Science, Technology and Innovation Ministry’s website.

It stated that most parts of the country experienced a rise of between 0.5°C and 2°C rise in temperature with hotter and drier weather affecting the northern peninsula and the East Coast.

Also affected were parts of Sabah and Sarawak.

The report added the hot and dry weather would gradually taper off during the inter-monsoon over the next two months, with average temperatures dropping 1.5°C and 1.7°C.

The temperature in several parts of the country yesterday was Prai (35°C), Kota Baru (33°C), Ipoh (36°C), Cameron Highland (23°C), Petaling Jaya (34°C), Kota Kinabalu (30°C) and Sarawak (32°C).



Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan Tunggu Laporan Meteorologi Sebelum Tutup Sekolah

KOTA BAHARU, 13 April (Bernama) -- Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan akan menunggu laporan daripada **Jabatan Meteorologi Kelantan** sebelum membuat keputusan menutup sekolah di negeri ini berikutan cuaca panas akibat El Nino.

Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Che Abdullah Mohd (ulang: Che Abdullah Mohd) berkata selain itu JPN Kelantan turut membuat pemantauan bagi menilai situasi semasa berhubung fenomena itu.

"Walaupun suhu yang dicatatkan di Kelantan melebihi 35 darjah celsius namun kita masih belum membuat keputusan untuk menutup sesi persekolahan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Semalam, Kelantan mencatat suhu tertinggi iaitu 38.9 darjah celsius dalam tempoh empat bulan, manakala 38 darjah celsius pada Isnin sejak fenomena El Nino melanda negara, Januari lepas.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar sebelum ini dilaporkan berkata Kementerian Pendidikan diminta menangguhkan sesi persekolahan di kawasan-kawasan yang mencapai suhu melebihi 37 darjah Celsius selama lebih 72 jam berturut-turut bagi mengelakkan pelajar dan murid berdepan masalah kesihatan.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata JPN Kelantan telah memaklumkan kepada semua sekolah di negeri itu untuk mengawal serta menghadkan aktiviti di luar bilik darjah ketika pelajar dan murid berada di pusat pembelajaran masing-masing.

Beliau berkata pihak sekolah turut menyediakan bekalan air minuman kepada pelajar di sekolah-sekolah seluruh Kelantan.

Sementara itu, **Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan Maqrum Fadzli Mohd Fahmi** berkata suhu di Kelantan turun kepada 36.8 darjah celsius hari ini berbanding 38.9 darjah celsius semalam.

Beliau berkata suhu tersebut direkodkan di jajahan Kuala Krai pada pukul 2 petang tadi.

Selain itu, laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia di <http://www.met.gov.my/> meramalkan hujan di satu dua tempat akan berlaku pada sebelah petang di Kelantan.



El Nino Undang Kesan Negatif Kepada Mata - Pakar

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Fenomena El Nino yang melanda negara sejak Januari lepas bukan sahaja boleh menyebabkan strok haba, malah cuaca panas itu mampu memberi kesan negatif kepada mata.

Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perubatan Hospital Mata Tun Hussein Onn (THONEH) Dr Pall Singh berkata orang ramai terutama mereka yang mengalami masalah mata kering perlu menitikberatkan aspek penjagaan mata dengan mengelak daripada terdedah terlalu lama kepada matahari.

Dr Pall Singh yang juga perunding kanan pakar Oftalmologi berkata mereka perlu kerap menggunakan ubat titis bagi mengelak pesakit mengalami pedih mata.

"Selain mengguna ubat titis, orang ramai termasuk mereka yang ada masalah mata kering perlu memakai cermin mata untuk melindungi mata daripada sinar ultraviolet (UV).

"Tetapi pastikan cermin mata yang berkualiti sahaja," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata mereka yang memakai kanta lekap juga perlu kerap menggunakan ubat titis mata bagi mengelak mata menjadi kering.

"Jika mata terasa pedih walaupun selepas kerap menggunakan ubat titis, maka saya nasihatkan mereka mendapatkan rawatan segera," katanya.

Presiden Kelab Doktor-Doktor Malaysia Dr Muhammad Hakim Nordin berkata fenomena El Nino menyumbang kepada keletihan mata dan dehidrasi sehingga menyebabkan mata menjadi kering sepanjang masa.

Sekiranya aspek penjagaan mata diabaikan, permukaan mata yang kering itu memudahkan jangkitan mata atau kelopak mata malah mengundang kepada masalah lebih serius seperti radang tisu mata.

"Warga emas, kanak-kanak dan bayi berisiko mendapat permasalahan ini. Saya dapati warga emas cenderung mengalami keradangan mata (keratitis) dengan mata putih menjadi merah dan sakit.

Katanya kanak-kanak dan bayi juga mudah mendapat gangguan fungsi kelenjar air mata akibat cuaca panas, menyebabkan masalah tahi mata berlebihan terutama ketika bangun pagi.

Mengulas lanjut, Dr Muhammad Hakim berkata cuaca panas juga mendorong serangga kecil seperti semut, nyamuk dan lebah memasuki kediaman yang berkemungkinan menggigit penghuni di kediaman berkenaan.

"Mana-mana individu yang mengalami alahan terhadap gigitan serangga kecil mungkin berhadapan dengan risiko radang mata akibat alahan yang menyebabkan mata putih bengkak, berair dan gatal," katanya.

Malaysia kini mengalami fenomena El Nino dan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan keadaan itu hanya akan berakhir pada Mei atau Jun.



Kes Kebakaran Hutan Menurun Di Seluruh Negara - Soiman

LAHAD DATU, 13 April (Bernama) -- Kejadian kebakaran hutan di beberapa kawasan di negara ini sudah menurun berikutan musim kemarau yang mula berakhir.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Datuk Soiman Jahid berkata ia berikutan hujan sudah mula melanda di kawasan terlibat.

"Kebakaran hutan khususnya di kawasan tanah gambut mula menurun dari segi bilangan dan kawasan terlibat," katanya ketika ditemui pada pelancaran POIC Emergency Mutual Aid (PEMA) yang disempurnakan Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah Datuk Bolkiah Ismail di Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) di sini, hari ini.

Menurutnya minggu lepas, kebakaran hutan masih berlaku di beberapa kawasan di Pahang, Kedah dan negeri ini di Hutan Simpan Binsuluk, Beaufort.

Soiman berkata namun begitu, pemantauan masih dilakukan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi dan Jabatan Alam Sekitar.

Beliau berkata pembenihan awan yang dilakukan kedua-dua jabatan itu masih dijalankan di kawasan kering, seperti di Temerloh dan Jerantut, Pahang.

Di Sabah, kebakaran hutan tanah gambut berlaku di Binsuluk seluas 200 hektar dan Bongawan (300 hektar) menyebabkan operasi pemadaman secara besar-besaran dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat termasuk menggunakan helikopter.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Kuat Landa Barat Laut Monywa, Myanmar

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 7.1 pada skala Richter berlaku di Myanmar pukul 9.55 malam ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dalam satu kenyataan menyatakan pusat gempa ialah 115 kilometer ke barat laut Monywa, Myanmar dan 1,916 kilometer barat laut Padang Besar, Perlis.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana Gegarkan Mindanao

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.7 pada skala Richter berlaku di Mindanao, 89km di barat laut Zamboanga City, Filipina, 464km dari timur laut Kinabatangan, Sabah hari Khamis.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa bumi itu berlaku pada pukul 2.21 pagi.

Tiada amaran ancaman tsunami dikeluarkan.

-- BERNAMA